

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 April 2017

SOALAN

Datuk Zali bin Mat Yasin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berikan jumlah statistik mereka yang menyertai Program 1AZAM terutamanya di negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya mengikut dua kategori iaitu atas 40 tahun dan bawah 40 tahun.

JAWAPAN

Di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) terdapat tujuh (7) Program 1AZAM iaitu 1AZAM Niaga dan Khidmat yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), 1AZAM Tani oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), 1AZAM Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR), 1AZAM Bandar oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), 1AZAM Sabah oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Sabah dan 1AZAM Sarawak oleh Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti (KKWKK) Sarawak. Tuan Yang Dipertua, Bagi tempoh Januari 2011 hingga 31 Disember 2016, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah 198, 060 orang dari seluruh Negara yang merangkumi peserta berumur antara 18 tahun dan ke atas. Daripada jumlah tersebut sejumlah 5,405 orang adalah peserta dari negeri Melaka. Daripada analisis yang dibuat, penyertaan peserta boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu berumur di bawah 40 tahun dan berumur di atas 40 tahun. Secara amnya, bagi keseluruhan negeri di Malaysia penyertaan peserta yang berumur bawah 40 tahun adalah seramai 48,184 orang. Manakala penyertaan peserta yang berumur atas 40 tahun berjumlah 149,876 orang. Perincian bagi negeri Melaka pula, penyertaan peserta yang berumur bawah 40 tahun berjumlah 1,757 orang. Manakala penyertaan peserta yang berumur atas 40 tahun berjumlah 3,648 orang. Bagi memastikan bantuan yang diberikan memberi impak kepada kumpulan sasar, pemantauan dan bimbingan secara berterusan dilaksanakan dalam usaha membantu para penerima bantuan agar mampu untuk hidup berdikari. Hasil daripada proses pemantauan tersebut, 96,072 orang peserta telah meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah melebihi RM300 sehingga RM500 atau berjaya meningkatkan pendapatan per kapita melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK). Selain itu, seramai 3,839 orang peserta telah meningkatkan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pendapatan bulanan mereka di bawah inisiatif Beyond 1AZAM dan seramai 50 orang peserta telah menaik taraf perusahaan mereka kepada Usahawan Industri Kecil. Di samping itu, inisiatif ini juga turut memperkukuhkan kursus berkaitan pengurusan kewangan iaitu kursus Literasi Kewangan yang wajib dihadiri oleh setiap peserta Program 1AZAM ini. Modul kursus sedia ada ini ditambahbaik lagi dengan memasukkan elemen Pengurusan Hutang dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang dilihat menjadi satu keperluan penting untuk para peserta menjadi usahawan yang lebih berjaya.

